

Pk. P.U. 61.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2013

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I
PERMULAANUndang-
undang
kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
BAHASA IKLAN

3. Bahasa iklan
4. Penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul
5. Iklan minuman keras, arak atau bir
6. Penggunaan tanda Halal

BAHAGIAN III
PELESENAN IKLAN

7. Pelesenan iklan
8. Permohonan lesen
9. Pematuhan kepada syarat lesen
10. Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat
11. Lesen tidak boleh dipindah milik
12. Iklan yang dikecualikan daripada lesen
13. Lesen jangka pendek
14. Permohonan lesen jangka pendek
15. Deposit
16. Pelucutkan deposit
17. Pembayaran balik deposit
18. Pembatalan lesen
19. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
20. Kawasan pengiklanan
21. Majlis merujuk Jabatan yang berkaitan

BAHAGIAN IV
PENYENGGARAAN IKLAN

Undang-
undang
kecil

- 22. Iklan hendaklah dalam keadaan baik
- 23. Unjurian
- 24. Keselamatan
- 25. Penyenggaraan
- 26. Penurunan iklan
- 27. Majlis tidak bertanggungan terhadap keruntuhan struktur, *dib.*

BAHAGIAN V
PENGUATKUASAAN

- 28. Kuasa memasuki dan memeriksa premis
- 29. Kuasa untuk menyiasat
- 30. Kuasa untuk mengkehendaki nama, *dsb.*, diberikan
- 31. Kuasa menangkap
- 32. Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan
- 33. Halangan, *dsb.*

BAHAGIAN VI
**IKLAN YANG DILARANG DAN TIDAK MEMATUHI
UNDANG-UNDANG KECIL**

- 34. Iklan yang dilarang

BAHAGIAN VII
AM

- 35. Anggapan
- 36. Pendakwaan
- 37. Pengecualian
- 38. Pengkompaunan kesalahan
- 39. Penalti
- 40. Penyampaian dokumen
- 41. Kuasa untuk meminda atau memansuhkan Jadual
- 42. Pemansuhan dan peralihan

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN

(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Kerian dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

- (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kerian) 2013**.
- (2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kerian.
- (3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“arkitek berdaftar” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Arkitek 1967 [Akta 117];

“fi” ertinya fi yang ditetapkan dalam Jadual;

“hasutan” hendaklah mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Hasutan 1948 [Akta 15];

“iklan” ertinya apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda tunjuk arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bagi maksud memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, perdagangan, perniagaan, profesion, firma, pertubuhan, organisasi, institusi, tempat, premis, acara, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain di atas apa-apa dinding adang, papan, papan iklan, sepanduk, atap, dinding, pagar pancang, pagar, pokok, rangka, plet, kain, jeriji, tiang, dawai, bingkai, kenderaan, papan elektronik, hologram, menara setiang atau dengan menggunakan cahaya laser atau apa-apa struktur atau rekaan lain atau mana-mana bahagian daripada struktur atau rekaan lain itu, di atas, di dalam atau mana-mana bangunan, jalan, tempat awam atau mana-mana tanah dan termasuklah tanda langit, belon dan sepanduk tetapi tidak termasuk suatu iklan pilihanraya;

“iklan bercahaya” ertinya mana-mana iklan yang disinari daripada dalam struktur atau rangka iklan itu sendiri dengan lampu elektrik seperti lampu bebola, lampu kalimantang, lampu neon, lampu limbah atau apa-apa alat yang berada di luar struktur atau rangka iklan itu yang mengeluarkan cahaya

pancaran ke arah iklan itu yang akan menyebabkan iklan itu dilihat dengan jelas pada waktu malam;

"iklan masyarakat sosial" ertinya suatu iklan berarah sementara yang didirikan atau dipamerkan bagi tempoh tidak lebih daripada tujuh hari di sepanjang laluan jalang awam oleh seseorang untuk memberi arahan ke suatu majlis tertutup, sosial atau masyarakat;

"iklan pilihanraya" hendaklah mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadaanya di bawah Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Daerah Kerian) 1990 [Pk.P.U.25/1990];

"iklan politik" apa-apa iklan oleh mana-mana pertubuhan politik yang dipamerkan kepada orang awam;

"iklan sementara" ertinya apa-apa iklan yang dipamerkan bagi suatu tempoh jangka pendek dan hendaklah termasuk sepanduk, tanda, strima, panji-panji, iklan perayaan, iklan boleh kembung dan iklan promosi;

"iklan tidak berbahaya" ertinya apa-apa iklan selain iklan berbahaya;

"jurutera awam berdaftar" atau "jurutera struktur berdaftar" ertinya orang yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138];

"lesen" ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

"Majlis" ertinya Majlis Daerah Kerian;

"nombor bersiri iklan" ertinya suatu siri abjad dan/atau nombor yang dikeluarkan oleh Majlis kepada lesen iklan yang siri abjad dan/atau nombor itu hendaklah dipamerkan di atas iklan berkenaan;

"orang" ertinya—

(i) pemunya atau penghuni mana-mana tanah, bangunan atau mana-mana struktur yang di atasnya iklan itu dipamerkan; atau

(ii) mana-mana firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau mana-mana organisasi lain yang didaftarkan mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197], Akta Syarikat 1965 [Akta 125], Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] atau Akta Koperasi 1993 [Akta 502];

"papan tanda" ertinya mana-mana papan yang menunjukkan nama atau cap dagangan berdaftar mana-mana orang, firma, perbadanan, pertubuhan, jenis trad, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh orang, firma, pertubuhan atau perbadanan itu;

"pegawai yang diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

"pekhidmat" ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis bagi tujuan Undang-Undang Kecil ini;

"pemegang lesen" ertinya mana-mana orang yang kepadaanya lesen dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

"poster" ertinya iklan yang berukuran tidak lebih daripada enam puluh sentimeter kali sembilan puluh sentimeter dan bukan daripada jenis kekal;

"premis" hendaklah mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133];

"premis berlesen" ertinya mana-mana premis yang menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan, atau perindustrian yang telah dilesenkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini.

"tanda langit" ertinya apa-apa binaan yang terdiri daripada suatu bingkai, papan dendeng, papan, bar, pilar, tiang, dawai atau sesuatu gabungan daripada benda-benda itu atau apa-apa binaan yang serupa itu, apa-apa benda yang boleh dilihat terapung atau ditetapkan kedudukannya dengan ikatan dawai atau dengan alat lain yang boleh dilentur, yang ditunjukkan bagi maksud iklan perdagangan atau profesion dalam sesuatu kedudukan supaya boleh mudah dilihat berlatarkan langit dari mana-mana lebuh atau tempat awam,

"tanda tunjuk arah" ertinya mempamerkan dengan apa-apa cara cap dagangan berdaftar atau jenis tred, perniagaan atau profesion mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan dimaksudkan untuk menunjukkan jalan ke premis di mana papan tanda itu tidak dapat dilihat dari jalan;

"tempat awam" ertinya mana-mana tempat terbuka, tempat letak kereta, taman, medan atau dataran rekreasi dan hiburan, sama ada dipagari atau tidak, diasingkan atau diperuntukkan bagi kegunaan orang awam atau orang awam boleh pada bila-bila masa mempunyai akses;

"tiang poster" ertinya tiang yang disediakan oleh Majlis untuk mempamerkan apa-apa poster; dan

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian.

BAHAGIAN II

BAHASA IKLAN

Bahasa iklan

3. (1) Setiap iklan hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan sama ada dalam Bahasa Kebangsaan semata-mata atau bersama-sama dengan mana-mana bahasa lain.

(2) Perkataan-perkataan dan huruf-huruf dalam Bahasa Kebangsaan hendaklah diberi keutamaan dalam warnanya dan di suatu kedudukan yang lebih jelas daripada perkataan-perkataan atau huruf-huruf atau tulisan-tulisan dalam bahasa lain yang digunakan dan saiznya hendaklah tidak melebihi ukuran yang terdapat dalam Bahasa Kebangsaan.

(3) Majlis boleh menambah, meminda atau membatalkan apa-apa perkataan kepada Bahasa Kebangsaan untuk dipamerkan pada iklan bagi menerangkan apa-apa jenis dan aktiviti perniagaan seperti mana yang telah ditetapkan.

(4) Mana-mana orang tidak boleh mempamerkan, mendirikan atau menyebabkan dipamerkan atau didirikan apa-apa iklan yang tidak mematuhi perenggan (1) dan (2).

(5) Walau apa pun perenggan (4), jika nama sesbuah firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau mana-mana organisasi lain sebagaimana yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965, Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Koperasi 1993 tidak terdiri daripada atau termasuk perkataan dalam Bahasa Kebangsaan, maka perkataan itu tidak perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Kebangsaan.

Penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul

4. (1) Jika Majlis berpendapat bahawa Bahasa Kebangsaan telah tidak digunakan dengan betul dalam mana-mana iklan, Majlis boleh, melalui notis secara bertulis, mengarahkan orang yang mempamerkan atau mendirikan iklan itu atau yang menyebabkan atau membenarkan iklan itu dipamer atau didirikan, supaya meminda iklan itu untuk memperbetulkan kesilapan itu mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam notis itu.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi notis yang dikeluarkan oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan.

Iklan minuman keras, arak atau bir

5. Mana-mana premis yang menjual minuman keras, arak atau bir hendaklah—

- (a) mempamerkan iklan minuman keras, arak atau bir di dalam premis berlesen sahaja; dan
- (b) iklan itu tidak boleh lebih besar daripada iklan utama.

Penggunaan tanda Halal

6. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan atau mempamerkan apa-apa perkataan, logo atau tanda "Halal" atau "Ditanggung Halal" tanpa mendapat sijil pengesahan Halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri Perak atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Majlis boleh memeriksa kesahihan dan keesahan sijil tersebut dan mana-mana orang yang gagal mengemukakan sijil itu apabila diminta, adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

PELESENAN IKLAN

Pelesenan iklan

7. Tiada seorang pun boleh mempamerkan atau mendirikan atau menyebabkan dipamerkan atau didirikan apa-apa iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan lesen

8. (1) Permohonan lesen hendaklah dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dan termasuklah sekiranya perlu hendaklah disertakan dengan—

- (a) salinan kelulusan yang diperakui sah bagi semua kelulusan yang diberikan oleh Majlis termasuk kelulusan kebenaran perancangan, pelan bangunan, pelan landskap dan jalan, dan butir-butir syarat, jika ada, yang dilampirkan kepada mana-mana kelulusan itu;
- (b) butir-butir iklan yang dicadangkan yang termasuklah tempoh cadangan bagi mempamerkan iklan itu, mesej yang akan dipamerkan, spesifikasi sivil, mekanikal, struktur, elektrikal dan elektronik bagi iklan itu yang disahkan dengan sepautnya oleh pakar yang berkaitan;
- (c) bukti pemunyaan, penyewaan, pajakan atau sesalinan lesen daripada pemilik berdaftar, penyewa atau pemajak tanah yang di atasnya iklan itu dicadangkan untuk ditempatkan;
- (d) suatu salinan Perakuan Pendaftaran yang diperakui sah bagi firma, perbadanan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau mana-mana organisasi yang berniat untuk mendirikan atau mempamerkan iklan yang dicadangkan itu; dan
- (e) apa-apa dokumen lain, pelan sokongan dan maklumat dalam apa-apa juga bentuk atau mengikut apa-apa cara yang dikehendaki oleh Majlis.

(2) Jika berkenaan, pelan struktur yang hendak didirikan bagi maksud mempamerkan iklan itu bersama dengan perakuan bertulis seorang arkitek berdaftar atau jurutera struktur berdaftar atau jurutera awam berdaftar yang memperakukan bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan tegap dan kukuh selama tempoh iklan itu dijangka hendak dipamerkan.

(3) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Majlis.

(4) Majlis hendaklah menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1) dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(5) Jika Majlis meluluskan permohonan itu, suatu lesen hendaklah dikeluarkan—

- (a) dalam apa-apa bentuk dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis;
- (b) dengan suatu nombor bersiri yang hendaklah ditunjukkan di atas iklan itu;
- (c) apabila dibayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
- (d) apabila dibayar sejumlah deposit tidak melebihi sepuluh ribu ringgit (RM10,000.00) kepada Majlis; dan
- (e) mengeluarkan suatu lesen untuk tempoh satu hingga tiga tahun.

(6) Seseorang hendaklah membuat suatu permohonan yang baru jika terdapat apa-apa perubahan terhadap iklan itu dengan apa jua cara.

(7) Majlis boleh menghendaki apa-apa butir firma, perbadanan, syarikat, persatuan, koperasi atau apa-apa organisasi bagi maksud Undang-Undang Kecil ini.

(8) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh diperbaharui tertakluk kepada pertimbangan Majlis dan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dan hendaklah disertai dengan apa-apa dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(9) Apa-apa fi yang telah dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.

Pematuhan kepada syarat lesen

9. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat dalam perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat

10. (1) Majlis boleh, dari semasa ke semasa menurut kepentingan awam untuk—

- (a) mengenakan apa-ape syarat tambahan ke atas lesen itu; atau
- (b) mengubah atau membatalkan apa-ape syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.

(2) Pemegang lesen hendaklah diberikan suatu notis bertulis, sebelum Majlis membuat keputusan di bawah perenggan (1).

Lesen tidak boleh dipindah milik

11. (1) Lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindah milik kecuali dibenarkan secara bertulis oleh Majlis.

(2) Fi pindah milik lesen adalah 30% daripada fi lesen.

Iklan yang dikecualikan daripada lesen

12. (1) Walau apa pun undang-undang kecil 7, seseorang dikecualikan daripada memohon lesen bagi iklan yang berikut:

- (a) nombor jalan;
- (b) plat nama pada rumah yang menunjukkan nama dan/atau alamat penghuni;
- (c) iklan yang menunjukkan bahan-bahan berbahaya, sama ada mengandungi maklumat tentang bahan-bahan sedemikian atau tidak;

- (d) iklan yang memberikan arahan bagaimana untuk masuk atau keluar daripada sesebuah harta, penggunaan peralatan atau maklumat berhubung dengan keselamatan dan saiz iklan itu hendaklah munasabah untuk menyampaikan maklumat kepada penerima yang dimaksudkan;
- (e) apa-apa notis rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis, mahkamah, badan awam, berkanun atau pegawai awam dalam menjalankan tugas rasminya;
- (f) bendera rasmi bagi Malaysia, mana-mana negeri dalam Malaysia, Majlis, Pihak berkuasa Tempatan dan negara asing;
- (g) bendera rasmi mana-mana firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau apa-apa organisasi lain yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197], Akta Syarikat 1965 [Akta 125], Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] atau Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang dinaikkan di atas tiang yang diluluskan dalam harta berkaitan;
- (h) apa-apa papan tanda kontraktor kejuruteraan awam atau bangunan yang tidak melebihi 3 meter persegi berkenaan dengan projek yang dijalankan di atas suatu harta dan dipamerkan pada harta itu sahaja; dan
- (i) apa-apa iklan lain yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah perenggan (1) boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa.

Lesen jangka pendek

13. (1) Mana-mana orang boleh memohon kepada Majlis suatu lesen jangka pendek untuk mempamerkan apa-apa iklan sementara.
- (2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh Majlis, mana-mana iklan sementara hendaklah didirikan atau dipamerkan bagi tempoh maksimum selama 90 hari.
- (3) Iklan sementara itu hendaklah diturunkan pada tarikh lesen iklan sementara itu luput dan pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab bagi penurunan iklan itu.

Permohonan lesen jangka pendek

14. (1) Suatu permohonan bagi suatu lesen jangka pendek hendaklah dibuat kepada Majlis dalam apa-apa bentuk dan hendaklah disertai dengan apa-apa dokumen, pelan sokongan dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Majlis bagi permohonan itu.
- (2) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Majlis.

(3) Majlis hendaklah menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1) dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(4) Jika Majlis meluluskan permohonan di bawah perenggan (3), suatu lesen iklan jangka pendek hendaklah dikeluarkan—

- (a) dalam apa-apa bentuk dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis;
- (b) apabila dibayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga; dan
- (c) apabila dibayar sejumlah deposit sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Deposit

15. Deposit yang dibayar di bawah subperenggan 8 (5) (d) dan 14 (4) (c) hendaklah mengikut jumlah seperti yang ditetapkan oleh Majlis.

Pelucutahan deposit

16. (1) Jika Majlis berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan sesuatu lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini, Majlis boleh, selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar, melucutahkan deposit yang dibayar di bawah subperenggan 8 (5) (d) dan 14 (4) (c) secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya.

(2) Jika pelucutahan deposit itu sebahagian sahaja, jumlah yang tidak dilucut hak itu hendaklah dibayar balik kepada pemegang lesen itu tanpa faedah atas jumlah itu.

(3) Apabila deposit itu dilucut hak, lesen itu hendaklah disifatkan telah terbatal, melainkan jika Majlis, atas permohonan pemegang lesen, membenarkan lesen itu terus berkuat kuasa tertakluk kepada pembayaran semula deposit yang telah dilucut hak itu.

Pembayaran balik deposit

17. Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 16, deposit yang dibayar di bawah subperenggan 8 (5) (d) dan 14 (4) (c) hendaklah dibayar balik kepada pemegang lesen tanpa faedah atas jumlah yang didepositkan itu selepas penamatkan atau pembatalan lesennya dan penurunan iklan itu.

Pembatalan lesen

18. (1) Majlis boleh membatalkan mana-mana lesen dengan apa-apa sebab yang difikirkan wajar termasuklah perlanggaran apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Majlis dan keputusan Majlis adalah muktamad.

Dengan syarat Majlis hendaklah memberikan notis bertulis kepada pemegang lesen 14 hari sebelum membuat pembatalan lesen itu.

(2) Jika sesuatu lesen dibatalkan, orang yang mempamerkan iklan itu hendaklah menurunkan iklan yang berhubung dengan lesen itu dalam tempoh

14 hari dari tarikh pembatalan, kegagalan berbuat demikian merupakan suatu kesalahan.

(3) Pampasan tidak boleh dibayar kepada mana-mana orang apabila terbatalnya sesuatu lesen.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

19. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesenya pada sepanjang masa di suatu tempat yang boleh dilihat dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa.

(2) Seseorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesenya di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Bagi maksud peruntukan ini, suatu rujukan kepada "lesen" hendaklah termasuk suatu salinan yang disahkan oleh Majlis sebagai suatu salinan benar lesen.

Kawasan pengiklanan

20. (1) Suatu iklan yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hanya boleh dipamerkan di tempat yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Majlis merujuk Jabatan yang berkaitan

21. Dalam menjalankan kuasanya di bawah Undang-Undang Kecil ini, Majlis boleh merujuk kepada mana-mana Jabatan yang berkaitan bagi tujuan keselamatan, kesesuaian dan kepentingan awam.

BAHAGIAN IV PENYENGGARAAN IKLAN

Iklan hendaklah dalam keadaan baik

22. Semua iklan hendaklah disenggarakan dalam keadaan yang baik, bersih dan memuaskan pada setiap masa.

Unjuran

23. Unjuran iklan yang dipamerkan di atas bangunan hendaklah diukur daripada garis jalan yang tetap.

Keselamatan

24. Apa-apa struktur atau lekapan yang didirikan bagi tujuan mempamerkan apa-apa iklan sekiranya pada pendapat Majlis wajar hendaklah diperakui oleh seorang jurutera awam atau jurutera struktur yang berdaftar dan perakuan sedemikian hendaklah termasuk ketabilan struktur bangunan atau bahagian bangunan yang menyokong iklan itu.

Penyenggaraan

25. (1) Majlis boleh, melalui notis bertulis mengarahkan mana-mana orang yang mendirikan atau mempamerkan mana-mana iklan untuk mengecat semula, menggantikan atau membersihkan iklan itu dalam apa-apa tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika iklan itu berkemungkinan menyebabkan kekeliruan atau kegusaran kepada orang awam, Majlis boleh melalui notis secara bertulis mengarahkan orang yang mendirikan atau mempamerkan iklan itu mengubah suai iklan itu dengan apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

Penurunan iklan

26. (1) Majlis boleh mengarahkan penurunan secara terus atau penghapusan mana-mana iklan, termasuklah mana-mana struktur yang didirikan khas bagi iklan itu dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) iklan dan struktur itu berada dalam keadaan tidak selamat atau buruk;
- (b) iklan dan struktur itu berlainan daripada yang diluluskan oleh Majlis;
- (c) iklan dan struktur itu melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini; atau
- (d) iklan tanpa lesen atau iklan yang lesenya dibatalkan oleh Majlis.

(2) Majlis atau pekhidmatnya boleh memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa yang munasabah dan melaksanakan penurunan atau penghapusan mana-mana iklan jika arahan penurunan atau penghapusan secara terus iklan di bawah perenggan (1) tidak dipatuhi.

(3) Perbelanjaan yang dikenakan bagi penurunan atau penghapusan iklan di bawah perenggan (2) hendaklah ditanggung oleh orang yang mendirikan atau mempamerkan iklan itu atau pemunya atau penghuni premis yang diatasnya iklan itu didirikan atau dipamerkan.

(4) Dalam mana-mana keadaan sesuatu iklan perlu diturunkan, bagi maksud memperbaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tempat atau struktur, walaupun lesen bagi iklan itu masih sah dan tiada sebarang tuntutan bagi pembayaran balik wang boleh dibuat oleh pemegang lesen iklan berkenaan dengan lesen itu.

Majlis boleh, bagi maksud memperbaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tempat atau struktur milik Majlis, menurunkan mana-mana iklan walaupun lesen bagi iklan itu masih sah dan tiada pembayaran balik wang akan dibuat kepada pemegang lesen berkenaan dengan lesen itu.

(5) Majlis tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan oleh Majlis atau pekhidmatnya dalam menjalankan peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Dengan syarat bahawa sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah disita dalam tempoh tujuh (7) hari, Majlis boleh melupuskan barang-barang itu dengan cara yang difikirkan patut olehnya.

Majlis tidak bertanggungan terhadap keruntuhan struktur, dsb.

27. Walaupun Majlis telah mengeluarkan suatu lesen di bawah undang-undang kecil 8 atau 14, Majlis tidaklah bertanggungan terhadap apa-apa kerosakan, keruntuhan, kegagalan struktur atau lekapan iklan itu termasuklah apa-apa ganti rugi daripada mana-mana orang.

BAHAGIAN V
PENGUATKUASAAN

Kuasa memasuki dan memeriksa premis

28. Mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh—

- (a) pada setiap masa yang munasabah memasuki dan memeriksa mana-mana premis untuk membuat apa-apa kuasa pemeriksaan, penyiasatan atau menjalankan apa-apa kerja berkenaan apa-apa kesalahan yang dilakukan atau disyaki telah dilakukan;
- (b) mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk menurunkan mana-mana iklan yang menyalahi undang-undang atau yang bercanggah dengan Undang-Undang Kecil ini; atau
- (c) membuat apa-apa perbuatan lain yang perlu untuk memberi kuat kuasa kepada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Kuasa untuk menyiasat

29. Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa olehnya boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kuasa untuk menghendaki nama, dsb., diberikan

30. Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh menghendaki mana-mana orang yang dengan semunasabahnya dipercayai telah melakukan atau mempunyai apa-apa kaitan dengan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini supaya memberikan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat dan butiran lengkap sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua atau Pegawai Yang Diberi Kuasa itu.

Kuasa menangkap

31. (1) Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melakukan di hadapannya atau yang dia percayai dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

- (a) jika nama atau alamat itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamatnya itu adalah tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan alamatnya yang sebenar telah dapat ditentukan dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan

32. Majlis atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa yang menguatkuasakan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini tidak bertanggungan atas apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian.

Halangan, dsb.

33. Seseorang yang—

- (a) menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa yang melaksanakan kewajipannya dengan sah di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (b) gagal mematuhi apa-apa permintaan, notis, perintah atau kehendak yang sah yang dibuat dengan wajar kepadanya oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa dalam pelaksanaan kewajipannya di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (c) enggan memberi mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa akses kepada mana-mana premis atau enggan diperiksa oleh mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (d) meninggalkan, enggan atau abai untuk memberi kepada seorang Pegawai Yang Diberi Kuasa apa-apa maklumat yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang dia berkuasa untuk memberikannya;
- (e) memberikan maklumat yang palsu, tidak benar atau mengelirukan kepada seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa; atau
- (f) tidak mengemukakan, menyembunyikan atau cuba menyembunyikan apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang berhubungan dengannya daripada seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa yang semunasabahnya dipercayai telah digunakan dalam melakukan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau yang boleh disita di bawah Undang-Undang Kecil ini,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

BAHAGIAN VI
IKLAN YANG DILARANG DAN TIDAK MEMATUHI
UNDANG-UNDANG KBCIL

Iklan yang dilarang

34. Iklan yang berikut adalah dilarang daripada didirikan atau dipamerkan dalam kawasan Majlis melainkan jika iklan itu diluluskan oleh Majlis:

- (a) iklan yang menyebabkan bahaya kepada trafik seperti iklan yang menggunakan lampu yang berbahaya atau berputar, imej atau laser yang bergerak atau boleh berubah-ubah, iklan yang menyerupai iklan jalan dan lalu lintas atau isyarat trafik, iklan yang menggunakan bahan-bahan yang melantunkan cahaya yang boleh mengakibatkan gangguan penglihatan, iklan yang mengakibatkan tahap silau yang berlebihan atau pencahayaan kepada tahap yang membahayakan dan iklan yang menghalang garis pandangan mata-mana lengkok, selekoh, pusingan, persimpangan dan lintasan kenderaan;
- (b) iklan yang berada di dalam hak lalu lalang awam atau yang dipasangkan di mana-mana harta awam;
- (c) iklan yang beranimasi, bergerak, berayun, berputar, berbahaya, berkeliplip, bersinar, berubah dan/atau mengandungi sinaran imej yang boleh berubah dan termasuklah lampu limpah, cahaya lampu pendaflour atau laser melainkan jika iklan itu ditempatkan di tempat yang ditetapkan secara khusus oleh Majlis;
- (d) iklan yang tidak berkaitan dengan premis yang padanya iklan itu dipasang;
- (e) iklan yang mempunyai lapang mendatar atau menegak yang kurang dari pendawaian tenaga elektrik hidup atau komunikasi yang dibenarkan daripada yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan dan/atau kaedah-kaedah agensi-agensi berkenaan;
- (f) iklan yang ditempatkan di atas atau merupakan sebahagian daripada atap atau cucur atap sesuatu bangunan melainkan jika iklan itu tidak melebihi ketinggian garis atap;
- (g) iklan yang tidak melambangkan budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia;
- (h) apa-apa iklan yang mengandungi perkataan, penerbitan, gambar, imej, animasi atau apa-apa benda lain yang menjadikan perkataan, penerbitan, gambar, imej, animasi atau apa-apa benda lain itu sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut; dan
- (i) apa-apa iklan lain yang difikirkan patut dilarang oleh Majlis daripada didirikan atau dipamerkan dalam kawasan Majlis dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN VII

AM

Anggapan

35. Dalam mana-mana pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, sebutan mengenai orang yang mempamerkan sesuatu iklan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang dengan sendirinya atau melalui penjawat atau ejennya, mempamerkan atau mengarahkan supaya dipamerkan iklan dan hendaklah disifatkan termasuk—

- (a) mana-mana iklan yang didirikan atau dibina di atas atau di dalam mana-mana premis dipamerkan oleh atau dengan kebenaran pemunya atau penghuni premis itu;
- (b) mana-mana iklan mengenai sesuatu keluaran yang telah dipamerkan oleh pengilang keluaran itu, atau mengenai sesuatu keluaran import oleh ejen tunggal tempatan atau pengedar tempatan bagi keluaran itu; dan
- (c) mana-mana iklan mengenai sesuatu pertunjukan telah dipamerkan oleh penganjur pertunjukan itu atau, jika penganjur tidak diketahui, oleh orang yang kepadanya hasil jualan tiket bagi pertunjukan itu akan dibayar atau oleh orang yang akan mendapat keuntungan dari iklan itu.

Pendakwaan

36. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin Pendakwa Raya.

Pengecualian

37. Majlis boleh dengan bersyarat atau tanpa syarat mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Pengkompaunan kesalahan

38. (1) Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa olehnya boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat,

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa termasuk syarat yang ditetapkan.

Penalti

39. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi mana-mana kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Penyampaian dokumen

40. Penyampaian atau apa-apa notis, perintah, kompaun atau dokumen yang dikehendaki disampaikan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh disampaikan dengan cara—

- (a) menyerah kepada penama yang di atas namanya notis, perintah, kompaun atau dokumen itu dikeluarkan;
- (b) meninggalkan pada alamat terakhir yang diketahui yang ke atasnya notis, perintah, kompaun atau dokumen itu dikeluarkan apabila penyampaian kendiri tidak dapat dilaksanakan;
- (c) menghantar melalui pos berdaftar ke alamat yang terakhir yang diketahui; atau
- (d) menampalkannya di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Kuasa untuk meminda atau memansuhkan Jadual

41. Majlis boleh menambah, meminda atau membatalkan kesemua atau mana-mana bahagian dalam mana-mana Jadual di bawah Undang-Undang Kecil ini sekiranya ia berpendapat perlu untuk berbuat demikian.

Pemansuhan dan peralihan

42. (1) Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kerian) 1984 [Pk. P.U. 40/84] adalah dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dimansuhkan hendaklah, disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA
[perenggan 8(3) dan 14(2)]
Fi PEMPROSESAN

Fi pemprosesan lesen : tidak melebihi RM50.00

JADUAL KEDUA
[subperenggan 8(5)(c)]
Fi LESEN

Bil	Jenis Iklan	Keluasan	Fi Yang Kena Dibayar
1.	Iklan yang tidak berbahaya diukur meliputi keluasan bahagian untuk mempamerkan iklan itu dan termasuk apa-apa keluasan permukaan rangka atau penyangga	(a) Bagi satu meter persegi yang pertama atau sebahagian daripadanya (b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya	RM80.00 setahun RM10.00 setahun
2.	Iklan yang berbahaya diukur meliputi keluasan bahagian untuk mempamerkan iklan itu dan termasuk apa-apa keluasan permukaan rangka atau penyangga	(a) Bagi satu meter persegi yang pertama atau sebahagian daripadanya (b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya	RM60.00 setahun RM10.00 setahun
3.	Sesuatu iklan yang tidak berbahaya terunjur lebih daripada lima belas sentimeter (15 cm) melebihi bangunan diukur meliputi keluasan iklan itu termasuk rangka, dan jika pameran adalah di kedua-dua belah muka iklan itu tiap-tiap satu permukaan iklan itu hendaklah diukur berasingan	(a) Bagi satu meter persegi yang pertama atau sebahagian daripadanya (b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya	RM80.00 setahun RM10.00 setahun
4.	Sesuatu iklan yang berbahaya terunjur lebih daripada lima belas sentimeter (15 cm) melebihi bangunan diukur meliputi keluasan iklan itu termasuk rangka, dan jika pameran adalah di kedua-dua belah muka iklan itu tiap-tiap satu permukaan iklan itu hendaklah diukur berasingan	(a) Bagi satu meter persegi yang pertama atau sebahagian daripadanya (b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya	RM60.00 setahun RM10.00 setahun
5.	Tanda langit diukur meliputi keluasan ruang yang digunakan untuk mempamerkan tanda langit	(a) Berbahaya Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagiannya daripadanya (b) Tidak Berbahaya Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagiannya daripadanya	RM100.00 setahun RM150.00 setahun

Bil	Jenis Iklan	Keluasan	Fi Yang Kena Dibayar
6.	Billboard	(a) Bercahaya Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripadanya	RM180.00 setahun
		(b) Tidak Bercahaya Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripadanya	RM200.00 setahun

	Jenis Iklan	Keluasan	Fi Yang Kena Dibayar			
			Tidak melebihi 7 hari	Tidak melebihi 30 hari	Tidak melebihi 60 hari	Tidak melebihi 90 hari
7.	Iklan Mekanikal Trivision/Scrolling/Elektronik (Mesej tajaan, promosi dan pengiklanan elektronik boleh berubah-ubah yang dimasukkan ke dalam pameran digital elektronik rasmi Majlis atau awam)	Berdasarkan kepada Bil. 2	RM 7.00	RM 20.00	RM 40.00	RM 60.00
8.	Iklan Perahot Jalan (laluan pejalan kaki, lampu, tong sampah, pondok telefon, perhentian bas, bangku, gazebo, kiosk)	Tidak terpakai	RM 7.00	RM 20.00	RM 40.00	RM 60.00

Nota: Paparan iklan bersaiz 18.5 meter persegi dikira sebagai billboard

JADUAL KETIGA
[subperenggan 14(4)(b)]

P1 LESEN
Lesen Jangka Pendek

Bil.	Jenis Iklan	P1 (sebulan atau sebahagiannya)
1	Kain Rantang / Sepanduk	Tidak melebihi RM5.00 sehari
2	Panji-panji	
3	Tunjuk Arah	
4	Iklan Boleh Kembung termasuk belon atau blim	
5	Poster	
6	Lain-lain iklan yang diluluskan oleh Majlis dari semasa ke semasa	

Dibuat 12 November 2013.
 [PSUK.PK.(KT)900/17; PU.PK. 36/76 (JILID II)]

KAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian

Disahkan pada 12 November 2013
 [PU.PK. 36/76 (JILID II)]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan